

UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI  
**DITERIMA**  
 27 JUL 2017  
 U.R.D  
 M.B.P.J.

# Hanya pelancong asing bayar cukai pelancongan



Sebanyak RM1 bagi setiap RM10 yang dikutip, akan dikembalikan kepada negeri yang berkenaan, bagi tujuan promosi sektor pelancongan”

**Mohamed Nazri Abdul Aziz,**  
 Menteri Pelancongan dan Kebudayaan

→ Kadar RM10 ke atas semua kemudahan penginapan tanpa mengira taraf bintang

**Oleh Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad, Roji Kawi, Izham Unnip Abdullah, Luqman Arif Abdul Karim dan Fahmy Azril Rosli**  
 bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**R**akyat Malaysia dikecualikan sepenuhnya daripada pelaksanaan Cukai Pelancongan, yang hanya dikenakan kepada pelancong asing sahaja.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata kadar cukai itu ditetapkan RM10 terhadap semua kemudahan penginapan tanpa mengira status masing-masing.

Katanya, pengecualian cukai kepada rakyat Malaysia itu, dibuat hasil perjumpaan dengan ramai

pihak dan keputusan baharu itu diambil susulan perbincangan yang berlangsung dan pandangan yang diterima.

“Kadar sama rata RM10 akan dikenakan kepada pelancong asing, dari hotel bertaraf lima bintang hingga tiada bintang bagi setiap bilik semalam,” katanya.

Beliau mengumumkan demikian ketika menjawab soalan Anthony Loke (DAP-Seremban) mengenai status terkini cukai berkenaan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

**Jana ekonomi setempat**

Mengulas lanjut, Mohamed Nazri berkata, sebanyak RM1 bagi setiap RM10 yang dikutip, akan dikembalikan kepada negeri yang berkenaan, bagi tujuan promosi sektor pelancongan.

Katanya, langkah itu secara tidak

langsung membantu pertumbuhan industri kecil dan sederhana, seterusnya menjana ekonomi setempat.

“Selain itu, kerajaan turut mengambil kira kebajikan pengusaha industri luar bandar dengan menetapkan pengecualian Cukai Pelancongan kepada semua inap desa dan ‘Kampungstay’ yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

“Pengecualian ini membabitkan 201 kluster inap desa membabitkan 3,901 pengusaha yang menawarkan sebanyak 5,474 bilik untuk pelancong berdasarkan pendaftaran sehingga Jun 2017,” katanya.

Mohamed Nazri berkata, hasil pertemuan dengan wakil Persatuan Pelancongan Dalam Malaysia (MITA), beliau secara dasarnya bersetuju pengecualian cukai diberikan kepada agensi pelancongan yang terikat dengan tempahan

awal mengikut tempoh kontrak berakhir 31 Mac 2018 dan akan dikenakan cukai itu bermula 1 April 2018.

**Fasa akhir sebelum laksana**

Ketika ditanya bila cukai itu akan dilaksanakan, Mohamed Nazri berkata, perkara itu bergantung kepada kesediaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Sementara itu, Ketua Pengarah JKDM, Datuk T Subromaniam, berkata pihaknya kini dalam fasa akhir meneliti mekanisme kutipan cukai terbabit sebelum dilaksanakan di seluruh negara.

Katanya, pelaksanaan kutipan Cukai Pelancongan berkadar rata RM10 itu tidak serumit Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), justeru ia dijangka tidak akan berdepan dengan masalah berbangkit.

BH  
 27/7/17  
 mls 5